

Headline **10,000 pelajar terima RM2buka akaun Tabung Haji**
Date **01 Apr 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia (Utara)**
Section **News**
Journalist **none**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **L-31**
Article Size **287 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,706**
PRValue **8,117**



10,000 pelajar terima RM2 buka akaun Tabung Haji

KULIM 31 Mac – Seramai 10,000 pelajar Islam dari 11 buah sekolah menengah di daerah ini dan Bandar Baharu akan menerima sumbangan RM2 seorang untuk membuka akaun Lembaga Tabung Haji (TH) tidak lama lagi.

Sumbangan menerusi program Jejak Lambaian Kaabah (JLK) itu merupakan tajaan UMNO Bahagian Kulim/Bandar Baharu yang diketuai Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Penolong Pegawai Pelajaran Daerah Kulim/Bandar Baharu, Azmi Abdullah berkata, langkah berkenaan boleh menyemai sikap berjimat-cermat dan menggalakkan amalan menabung di kalangan para pelajar.

“Setiap pelajar akan menerima sumbangan RM2 untuk membuka akaun simpanan TH. Selepas mempunyai akaun, mereka digalakkan untuk menabung sedikit demi sedikit supaya boleh digunakan untuk menunaikan ibadah haji atau kegunaan masa kecemasan apabila mereka memasuki alam dewasa kelak,” katanya pada majlis pelancaran program tersebut di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Kenari, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Pengerus TH Cawangan Kulim,

Md. Zaini Md. Junid.

Menurut Azmi, buat permulaan, program JLK tersebut akan diperkenalkan di enam buah sekolah iaitu SMK Serdang, SMK Lubuk Buntar, Sekolah Menengah Convent St. Anne, SMK Jelutung, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (C) Chio Min dan Sekolah Menengah Teknik Kulim.

“Selepas itu, para pegawai Jabatan Pelajaran Daerah dan TH akan mengunjungi para pelajar bagi memperluaskan lagi program JLK di sekolah-sekolah lain dalam tempoh terdekat,” jelasnya.

Sementara itu Md. Zaini berkata, kesemua pelajar yang terlibat dalam program tersebut akan didaftarkan secara automatik sebagai anggota Kelab TAHA yang diperkenalkan TH.

“Dengan menjadi anggota kelab ini, TH menyediakan pelbagai kemudahan seperti mendapatkan potongan harga apabila membeli peralatan sekolah, pakaian seragam, kasut dan kemudahan tempat tinggal secara percuma bersama keluarga di Kompleks TH di Pulau Pinang, Kelana Jaya dan Kota Kinabalu,” jelasnya.

Headline **10,000 pelajar terima RM2buka akaun Tabung Haji**
Date **01 Apr 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia (Utara)**
Section **News**
Journalist **none**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **L-31**
Article Size **287 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **2,706**
PRValue **8,117**



SEBAHAGIAN daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Kenari menunjukkan buku akaun Tabung Haji selepas pelancaran Program Jejak Lambaian Kaabah di Kulim, semalam.